



JAWATAN KOSONG

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk membuat permohonan jawatan seperti berikut. Keutamaan diberikan kepada Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

JAWATAN & GRED : PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP1

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM

TARAF JAWATAN : TETAP

JUMLAH KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan; dan
- (c) i. **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- ii. **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- iii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

iv. **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

v. **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

dan

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- a. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- b. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- c. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- d. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- e. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- f. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- g. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

**SYARAT
KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(ii), 1(c)(iv) dan 1(c)(v) hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Penguat Kuasa adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN : Permohonan boleh dibuat melalui Borang Permohonan Jawatan Kosong yang boleh dimuat turun (*download*) melalui portal rasmi Majlis Daerah Perak Tengah : www.mdpt.gov.my atau melalui Kaunter Jabatan Khidmat Pengurusan dan Penguatkuasaan, MDPT.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :

- (a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.
- (b) Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- (c) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga. **Pihak MDPT boleh membuat ujian bertulis / ujian kecergasan sebagai mekanisme tapisan sekiranya perlu.**
- (d) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 10 FEBRUARI 2026